

Anwar tarik balik saman fitnah RM100 juta, Syed Hamid minta maaf
Malaysian Insider
Aug 28, 2014
OLEH Anisah Shukry

Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim menarik balik saman fitnah RM100 juta terhadap Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Tan Sri Syed Hamid Albar tanpa kos, selepas defendan meminta maaf berhubung satu artikel di mana Anwar didakwa sebagai pengkhianat.

"Kami berjaya selesaikan secara baik, walaupun ia dalam kamar. Tan Sri Syed Hamid berkata beliau tidak berniat untuk menyinggung perasaan saya, dan tidak menganggap artikel itu sebagai tepat.

"Oleh kerana kekeliruan ini, beliau memohon maaf, dan saya menerimanya secara positif. Saya menarik balik saman saya kerana beliau memohon maaf, kerana beliau tidak berniat demikian," kata Anwar kepada pemberita di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur hari ini.

Anwar memfailkan saman itu pada 29 Ogos 2008, dan menamakan Syed Hamid dan kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Beliau mendakwa Syed Hamid telah mengucapkan kata-kata fitnah terhadapnya pada sidang akhbar di lobi Parlimen pada 28 Julai, yang kemudiannya diterbitkan dalam akhbar The Star pada hari berikutnya, menurut Bernama.

Anwar berkata, artikel itu membawa kenyataan Syed Hamid secara tersirat dia adalah seorang pengkhianat, tidak setia kepada agama dan bangsa dan tidak boleh dipercayai.

"Saya menghargai Hamid menarik balik kenyataannya dan menjelaskan ia

bukan niatnya seperti yang dilaporkan dalam media dan dengan itu memohon maaf," kata Anwar hari ini.

"Tidak akan ada kos kerana ia melibatkan DPP (Timbalan Pendakwa Raya). Tiada cara saya boleh mendapatkan apa-apa kos," katanya secara berseloroh.

Beliau menganggap kes itu diselesaikan "dengan niat baik" dan menggesa semua menerimanya dengan baik untuk terus bergerak ke hadapan. – 28 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-tarik-balik-saman-fitnah-rm100-juta-syed-hamid-minta-maaf>